



JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

ADVISORY

**TATACARA PENGENDALIAN BAGI AKTIVITI
PENGUMPULAN, PEMROSESAN DAN
PENYIMPANAN DATA PERIBADI OLEH
PREMIS PERNIAGAAN SEMASA PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT
(PKPB)**

KANDUNGAN

| | | |
|------------|--|------------|
| 1.0 | LATAR BELAKANG | 3 |
| 2.0 | KEPERLUAN MINIMUM BAGI PEMATUHAN PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI | 3 |
| 2.1 | Prinsip Am | 3 |
| 2.2 | Prinsip Notis dan Pilihan | 3 |
| 2.3 | Prinsip Penzahiran dan Prinsip Keselamatan | 4 |
| 2.4 | Prinsip Penyimpanan | 4 |
| 2.5 | Prinsip Integriti Data | 5 |
| 2.6 | Prinsip Akses | 5 |
| 3.0 | TINDAKAN PENGUATKUASAAN | 5 |
| 4.0 | MAKLUMAT PERHUBUNGAN | 5 |
| 5.0 | LAMPIRAN | 6-8 |

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Susulan daripada pengumuman oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mei 2020 (Jumaat) bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah dilaksanakan bermula dari 4 Mei 2020 (Isnin), semua premis perniagaan dalam sektor perniagaan yang terpilih boleh mula beroperasi tertakluk kepada SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Antaranya adalah **catatan nama, nombor telefon serta tarikh dan masa kehadiran pengunjung/ pelanggan bagi tujuan pengesanan kontak sekiranya diperlukan kelak.**
- 1.2 Terdapatnya kekusaran dalam kalangan pengunjung/ pelanggan premis-premis perniagaan ini terhadap aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi (nama dan nombor telefon).

2.0 KEPERLUAN MINIMUM BAGI PEMATUHAN PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709], Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) akan menggariskan keperluan minimum yang perlu dipatuhi pada setiap masa oleh setiap premis perniagaan yang beroperasi semasa PKPB berlandaskan kepada Prinsip-Prinsip Perlindungan Data Peribadi seperti berikut:

2.1 Prinsip Am

- (a) Pengumpulan data peribadi pengunjung/ pelanggan oleh mana-mana premis perniagaan perlulah dibuat berdasarkan kepada keperluan yang minimum dan ianya tidak berlebihan. Dalam hal ini, adalah memadai **hanya nama, nombor telefon yang boleh dihubungi dan tarikh serta masa ketibaan pengunjung/ pelanggan untuk direkodkan.**
- (b) Kaedah bagi pengumpulan data peribadi ini adalah tertakluk kepada premis perniagaan sama ada ianya direkodkan **secara manual atau digital.**

2.2 Prinsip Notis dan Pilihan

- (a) Satu notis yang jelas mestilah dipaparkan sebagai makluman kepada pengunjung/ pelanggan berhubung tujuan pengumpulan data peribadi mereka. Cadangan bagi notis yang boleh digunakan

sebagai panduan oleh premis perniagaan dalam dwibahasa adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) Notis tersebut perlu ditempatkan pada ruangan yang jelas dilihat oleh pengunjung/ pelanggan premis perniagaan.

2.3 Prinsip Penzahiran dan Prinsip Keselamatan

- (a) Bagi pengumpulan data peribadi secara manual, ianya mesti direkodkan oleh kakitangan premis perniagaan tersebut bagi mengelakkan penzahiran data peribadi tanpa kebenaran atau secara tidak sengaja. Selain itu, dokumen fizikal yang digunakan semasa pelaksanaan PKPB mestilah merupakan satu dokumen yang khusus bagi tujuan ini.
- (b) Format yang boleh diguna pakai oleh premis perniagaan bagi pengumpulan data peribadi **secara manual** adalah seperti di **Lampiran B**. Manakala, bagi pengumpulan data peribadi yang dibuat **secara digital**, premis perniagaan perlu memastikan **hanya data-data peribadi yang berkenaan sahaja untuk direkodkan** seperti perkara 2.1 (a).
- (c) Bagi kedua-dua kaedah pengumpulan data peribadi ini, premis perniagaan perlu memastikan bahawa data peribadi yang telah dikumpul hanya digunakan bagi tujuan pengesanan kontak seperti keperluan yang telah ditetapkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] dan ianya tidak boleh digunakan bagi tujuan yang lain (pemasaran dan sebagainya).
- (d) Selain itu, premis perniagaan perlu memastikan bahawa keselamatan data peribadi yang telah dikumpul adalah sentiasa terpelihara dan terjaga pada setiap masa.

2.4 Prinsip Penyimpanan

- (a) Had masa bagi penyimpanan data peribadi yang telah dikumpulkan adalah sehingga selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tamat PKPB yang akan diumumkan oleh Kerajaan Malaysia.
- (b) Semua data peribadi yang terkumpul perlu dimusnahkan atau dipadamkan **secara kekal** melalui mekanisme yang difikirkan sesuai bergantung kepada kaedah pengumpulan data peribadi yang telah digunakan oleh premis perniagaan.

2.5 Prinsip Integriti Data

- (a) Mana-mana premis perniagaan yang dibenarkan beroperasi perlu memastikan bahawa data peribadi pengunjung/ pelanggan yang direkodkan adalah tepat dan tidak mengelirukan.

2.6 Prinsip Akses

- (a) Semasa pelaksanaan PKPB ini, prinsip ini dikecualikan pemakaian sepenuhnya.

3.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN

- (a) Semua premis perniagaan dikehendaki untuk mematuhi keperluan minimum seperti yang digariskan dalam perkara 2.0 pada setiap masa.
- (b) Anggota penguatkuasa JPDP akan menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa untuk menilai tahap pematuhan premis perniagaan kepada *advisory* ini dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan jika berkenaan.
- (c) Sebagai makluman, kegagalan bagi mana-mana premis perniagaan untuk mematuhi perkara ini, dan sekiranya disabitkan di bawah Akta 709, **boleh didenda tidak melebihi RM300,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.**

4.0 MAKLUMAT PERHUBUNGAN

- (a) Untuk sebarang pertanyaan lanjut bagi *advisory* ini, tuan/ puan boleh menghubungi talian +603-89117924 atau e-mel penkuatkuasaan@pdp.gov.my.
- (b) Bagi sebarang aduan yang berkaitan dengan pelaksanaan *advisory* ini, tuan/ puan dialu-alukan untuk melaporkan aduan melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) seperti di pautan <https://daftar.pdp.gov.my>.

5.0 LAMPIRAN

BAHASA MALAYSIA

Pengumpulan maklumat ini adalah selaras dengan keperluan yang telah ditetapkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan ianya adalah diwajibkan.

Anda hanya dikehendaki untuk memberikan butiran seperti berikut:

- (i) Nama pengunjung/ pelanggan;
- (ii) No. telefon yang boleh dihubungi; dan
- (iii) Tarikh dan masa ketibaan.

Kegagalan anda untuk memberikan maklumat yang diperlukan boleh menyebabkan pihak kami tidak dapat menawarkan sebarang perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

BAHASA INGGERIS

The collection of your details is required under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342] and it is hereby compulsory.

You are only required to provide details as follows:

- (i) Name of customer;
- (ii) Contact number; and
- (iii) Date and time of arrival.

Failure to provide such information, we may not be able to offer our services to you.

Thank you.

Lampiran B

| BIL. | NAMA PENGUNJUNG/ PELANGGAN | NO. YANG BOLEH DIHUBUNGI | TARIKH & MASA KETIBAAN |
|-------------|---------------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------------|
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |
| 4. | | | |
| 5. | | | |

Jadual 1: Format Pengumpulan Data Peribadi Secara Manual